

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Masalah Kajian

Agama Islam ialah sebuah agama yang lengkap dan sempurna. Selain daripada memberi penekanan terhadap urusan-urusan akhirat, agama Islam turut menitikberatkan urusan-urusan keduniaan yang merangkumi setiap aspek kehidupan manusia. Matlamatnya adalah untuk membentuk seorang manusia yang mengamalkan cara hidup seperti yang terkandung dalam ajaran Islam. Apabila seluruh lapisan masyarakat mengamalkan segala ajaran Islam dalam kehidupan mereka, ia mampu melahirkan generasi yang dapat mewujudkan sebuah negara yang makmur dan diredayai oleh Allah s.w.t. Dengan demikian keamanan dan kesejahteraan hidup akan dapat dinikmati di dunia maupun di akhirat.¹

Untuk melahirkan hamba dan khalifah yang unggul serta mempunyai cara hidup berlandaskan ajaran Islam, seseorang individu mestilah melalui satu sistem pendidikan yang berteraskan ajaran al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w.² Hal ini kerana matlamat dan tujuan pendidikan dalam Islam adalah untuk membentuk peribadi Muslim yang seimbang dalam perkembangan spiritual, jasmani, emosi, intelektual dan sosial.³ Ia bukan sekadar menyediakan warga yang baik malah mencakupi pembinaan insan yang sempurna dari segi

¹ Al-Maududi, Sayyid Abu al-A'la (1998), *Islamic way of life*. Kurshid Ahmad (terj), Saudi Arabia: International Islamic Publishing House, h. 1.

² Norhayati Haji Hamzah (2010), “Pembangunan Modal Insan: Satu Analisis Dari Sirah Nabi”, dalam Mohd Roslan Mohd Nor & Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim (eds.) *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 112.

³ al-Syaibany, Omar Mohammad al-Toumy, Prof. Dr. (1979), *Falsafah Pendidikan Islam*. Hasan Langgulung (terj.) Jakarta: Bulan Bintang, h. 444.

ibadat dan urusan keduniaan. Selain itu, pendidikan yang berteraskan ajaran Islam juga bermatlamat untuk melahirkan insan soleh yang dapat memenuhi segala keperluan tugasnya di muka bumi sebagai khalifah Allah s.w.t.⁴

Pemupukan budaya ilmu terhadap seseorang insan perlu mempunyai hubungan dengan nilai dan tamadun yang mempeloporinya.⁵ Ilmu yang disampaikan melalui pelbagai kaedah pendidikan sama ada formal atau tidak formal seharusnya menekankan kepada kedua-dua aspek teori dan aspek amali secara bersama. Selain itu, hasil pembelajaran yang menjadi kayu ukur kepada pencapaian objektif yang ditetapkan akan lebih bermakna sekiranya setiap ilmu yang disampaikan dapat mempengaruhi setiap aspek kehidupan seseorang manusia. Jika proses penyampaian sesuatu ilmu berkesan, maka ianya akan turut memberikan impak yang baik dalam kehidupan seseorang dan begitulah sebaliknya. Pemupukan budaya ilmu ini penting sebagai satu usaha berterusan dalam menambahkan pengetahuan disamping turut memuatkan elemen nilai untuk dihayati dalam setiap aspek kehidupan.

Pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam di politeknik merupakan salah satu daripada usaha berterusan untuk menerapkan ilmu pengetahuan agama Islam kepada para pelajar. Kursus ini merupakan kesinambungan daripada pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah. Kursus Pendidikan Islam di politeknik bermatlamat memberi pengetahuan tentang agama Islam yang meliputi akidah, syariah dan akhlak. Ia menekankan kepada penghayatan terhadap akidah dan kepercayaan

⁴ Ghazali Darussalam (2004), *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd., h. 41.

⁵ Wan Mohd Nor Wan Daud (1997), *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 87.

dalam Islam, pelaksanaan ibadat-ibadat khusus dan umum serta memberikan panduan dalam membentuk sikap bertanggungjawab dalam diri terhadap Allah, manusia dan alam.⁶

Dalam usaha menjadikan kehidupan seorang insan itu memiliki cara hidup yang berlandaskan ajaran Islam yang sebenar, maka ilmu yang disampaikan mestilah mengikut kaedah yang betul dan memudahkan para pelajar memahami isi kandungan agama Islam.⁷ Aktiviti pengajaran dan pembelajaran juga perlu sentiasa dinilai agar segala kelemahan dapat diperbaiki dan ditambah baik. Harapannya supaya hasil pembelajaran yang disampaikan oleh para pendidik dapat melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan serta dapat menjadikannya sebagai amalan harian dalam setiap aspek cara hidup mereka.

Berpandukan kepada Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, salah satu daripada teras pelan strategik tersebut ialah menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan perkara ini, Kerangka Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualifications Framework* (MQF) memberi penekanan kepada pendidikan berlandaskan hasil pembelajaran, antaranya ialah penguasaan terhadap sesuatu bidang ilmu dan dapat mengamalkannya.⁸

Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan bagi melihat sejauh mana kursus yang dilaksanakan memenuhi matlamat pelan strategik yang disasarkan. Selain itu, kajian ini juga dapat menilai sejauh mana pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam mempengaruhi cara

⁶ Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006), *Struktur Kursus Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

⁷ Ghazali Darussalam (2004), *op.cit.*, h. 231.

⁸ Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2007), *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, hal. 58.

hidup para pelajar sehari-hari. Dengan adanya kajian ini, kelemahan-kelemahan yang wujud dapat diambil tindakan sewajarnya untuk penambahbaikan.

1.2 Perumusan Masalah Kajian

Berdasarkan latar belakang masalah kajian, perkara-perkara yang menjadi persoalan dalam kajian ini ialah:

- i. Apakah isi kandungan kurikulum Kursus Pendidikan Islam yang diperkenalkan kepada pelajar di Politeknik Kota Melaka?
- ii. Apakah tahap pengetahuan asas Pendidikan Islam di kalangan pelajar Politeknik Kota Melaka?
- iii. Sejauh manakah pengaruh Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Kota Melaka terhadap cara hidup pelajar dalam aspek ibadat, cara berpakaian, pergaulan dengan ibubapa, pergaulan dengan pensyarah dan pergaulan dengan rakan-rakan?

1.3 Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini merangkumi beberapa objektif iaitu untuk:

- i. Mengenal pasti isi kandungan kurikulum Kursus Pendidikan Islam yang diperkenalkan kepada pelajar di Politeknik Kota Melaka.
- ii. Mengenal pasti tahap pemahaman asas pendidikan Islam di kalangan pelajar Politeknik Kota Melaka.

- iii. Mengenal pasti pengaruh Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Kota Melaka terhadap cara hidup pelajar dalam aspek ibadat, cara berpakaian, pergaulan dengan ibubapa, pergaulan dengan pensyarah dan pergaulan dengan rakan-rakan.

1.4 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian ini perlu dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam menggubal dan melaksanakan kurikulum Kursus Pendidikan Islam. Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa kepentingan yang ingin diutarakan. Antaranya ialah:

- i. Menambah baik kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Kota Melaka khasnya dan Politeknik Malaysia amnya.
- ii. Membantu Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Pengajian Politeknik dalam usaha untuk memperkemaskan kurikulum pendidikan Islam di politeknik.
- iii. Membantu pihak-pihak tertentu khasnya para pensyarah Kursus Pendidikan Islam dalam usaha meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.
- iv. Menjadi pelengkap kepada kajian sedia ada terutama kajian-kajian yang berkaitan dengan keberkesanan pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam di politeknik.

1.5 Definisi Tajuk

Kursus Pendidikan Islam ialah merujuk kepada salah satu kursus yang dilaksanakan di dalam sistem pengajian di politeknik. Kursus ini adalah kursus yang wajib diikuti oleh

setiap pelajar dan ia ditawarkan kepada pelajar semester satu dan semester dua yang mengikuti pengajian di politeknik seluruh Malaysia.

Politeknik Kota Melaka adalah lokasi dalam kajian ini. Politeknik Kota Melaka merupakan politeknik yang ke 11 daripada 27 buah politeknik seluruh Malaysia. Institusi pengajian ini berada di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan diurus tadbir oleh sebuah jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Pengajian Politeknik.⁹ Politeknik Kota Melaka dipilih kerana kedudukannya yang terletak di bangunan rumah kedai dan hal ini berbeza dengan politeknik-politeknik lain yang mempunyai kawasan kampus tersendiri. Selain itu, kajian di politeknik masih belum dijalankan secara meluas, jadi ianya akan memperbanyakkan penemuan-penemuan seumpamanya dalam bidang pendidikan Islam serta dapat memperkuuhkan sebarang hasil kajian sedia ada terutama yang berkaitan dengan Kursus Pendidikan Islam di politeknik.

Pengaruh bermaksud sesuatu yang meninggalkan kesan kepada seseorang. Ia juga boleh dinyatakan sebagai impak terhadap sesuatu perkara.¹⁰ Cara hidup tidak didefinisikan secara bersama dalam Kamus Dewan, tetapi cara bermaksud aturan dalam membuat sesuatu¹¹ manakala hidup bermaksud bernyawa, bernafas, tidak mati, dan berada dalam keadaan tertentu.¹² Jika digabungkan ia boleh diertikan sebagai sikap, akhlak dan tingkah laku seseorang yang masih memiliki nyawa di badan. Jadi cara hidup yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah keperibadian dan tingkah laku para pelajar dalam beberapa aspek kehidupan sehari-hari mereka.

⁹ Jabatan Pengajian Politeknik Dan Kolej Komuniti (2009), *Quick Facts*. Seri Kembangan: Jabatan Pengajian Politeknik Dan Kolej Komuniti, h. 2.

¹⁰ Teuku Iskandar, Dr. (2005), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1172.

¹¹ *Ibid.*, h. 246.

¹² *Ibid.*, h. 533.

Pelajar yang dimaksudkan ialah para pelajar yang mengikuti pengajian secara sepenuh masa di Politeknik Kota Melaka yang mempelajari Kursus Pendidikan Islam sebagai kursus wajib dalam sistem pengajian di politeknik.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pengajian pada Sesi Julai 2009 dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan dan berdaftar secara sepenuh masa dengan Politeknik Kota Melaka. Pelajar-pelajar ini dipilih berdasarkan pengalaman mereka mengikuti Kursus Pendidikan Islam ketika berada di semester pertama dan pendapat mereka adalah mewakili pendapat pelajar-pelajar yang telah mempelajari Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Kota Melaka.

1.7 Sampel Kajian

Kajian ini merupakan kajian perpustakaan dan deskriptif berbentuk tinjauan yang menggunakan data-data yang diperolehi daripada data-data primer, sekunder dan kajian lapangan. Sampel kajian adalah terdiri daripada 265 orang pelajar yang berada pada semester kedua hingga semester kelima yang mewakili pelbagai jabatan dan jantina. Walau bagaimanapun, penglibatan pelajar semester ketiga dan kelima dalam kajian ini adalah kecil memandangkan pelajar semester ketiga sedang mengikuti latihan industri¹³ di pelbagai

¹³ Latihan industri ialah kaedah pembelajaran dalam bentuk praktikal atau amali. Ia bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang suasana kerja yang sebenar serta memberi peluang kepada pelajar untuk menghubungkaitkan kefahaman teori dan amali. Tempoh latihan industri ialah selama satu semester dan setiap pelajar wajib lulus latihan industri. Lihat Kementerian Pengajian Tinggi (2007), *Prospektus Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi, h. 27.

tempat selama satu semester manakala pelajar semester kelima adalah pelajar-pelajar yang belum melengkapkan keseluruhan jumlah jam kredit dalam pengajian mereka.

Pelajar-pelajar Politeknik Kota Melaka adalah terdiri daripada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas. Tempoh pengajian di politeknik adalah selama empat semester bagi peringkat sijil dan enam semester bagi peringkat diploma. Pelajar peringkat sijil akan menjalani latihan industri pada semester ketiga manakala pelajar peringkat diploma pada semester kelima.¹⁴ Walau bagaimanapun, kajian ini hanya melibatkan pelajar di peringkat sijil sahaja memandangkan Politeknik Kota Melaka mula menawarkan program di peringkat diploma pada Sesi Julai 2009.

1.8 Ulasan Kajian Lepas

Terdapat beberapa kajian atau penulisan yang dilaksanakan berhubung Kursus Pendidikan Islam di politeknik dan keberkesanannya terhadap kehidupan para pelajar. Dalam ulasan ini, penulis akan mengulas mengenai kajian yang telah dilaksanakan di politeknik dan seterusnya mengenai kajian yang berkaitan keberkesanan Kursus Pendidikan Islam kepada pelajar.

Kajian berkenaan Kursus Pendidikan Islam di politeknik masih belum meluas berbanding kajian di peringkat sekolah, institusi perguruan mahupun institusi pengajian tinggi. Setakat ini penulis menemui hanya sebilangan kajian berkaitan Kursus Pendidikan Islam di politeknik. Antaranya kajian yang dilakukan oleh Ahmad Mohd Salleh yang bertajuk “Kurikulum Pendidikan Islam di Politeknik-politeknik Malaysia: Satu Analisis”.

¹⁴ *Ibid.*

Beliau melaksanakan kajian ini di Politeknik Sultan Ahmad Shah, Pahang. Beliau mengkaji tentang latar belakang pelajar, pandangan mereka terhadap sukanan pelajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran, peruntukan masa, sistem penilaian, penggunaan buku teks dan beberapa aspek kurikulum.¹⁵

Kajian seterusnya dilakukan oleh Shamsudin Abd. Latif yang bertajuk “Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Ungku Omar: Suatu Tinjauan Kurikulum ke Arah Pencapaian Matlamat”. Kajian ini dijalankan ke atas 451 orang pelajar, 7 orang pensyarah dan 6 orang pentadbir di Politeknik Ungku Omar, Perak. Kajian beliau menumpukan kepada sikap pelajar terhadap Kursus Pendidikan Islam, pengetahuan asas dalam Pendidikan Islam, tahap pendidikan pensyarah Pendidikan Islam, penggunaan teknologi pendidikan dalam pengajaran dan pembelajaran, penyusunan buku teks, penyusunan jadual waktu dan pencapaian matlamat pendidikan Islam.¹⁶

Kajian oleh Suriani Ripin yang bertajuk “Amalan Nilai Sosial Islam di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Johor Bahru”. Kajian yang dilakukan terhadap pelajar kejuruteraan mekanikal di Politeknik Johor Bahru ini dilaksanakan dalam beberapa aspek kehidupan para pelajar iaitu ketika bersama dengan rakan dan pensyarah, di rumah, bersama masyarakat dan ketika bersama dengan orang bukan Islam.¹⁷

Walaupun kajian-kajian tersebut dijalankan di politeknik, namun ada beberapa kelainan berbanding kajian yang akan dijalankan oleh penulis. Penekanan kajian oleh

¹⁵ Ahmad Bin Mohd Salleh (1990), “Kurikulum Pendidikan Islam di Politeknik-politeknik Malaysia: Satu Analisis” (Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).

¹⁶ Shamsuddin Bin Abd. Latif (1990), “Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Ungku Omar: Suatu Tinjauan Kurikulum ke Arah Pencapaian Matlamat” (Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

¹⁷ Suraini Binti Ripin (2003), “Amalan Nilai Sosial Islam di Kalangan Pelajar Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Johor Bahru” (Kertas Projek Sarjana Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).

Ahmad Bin Mohd Salleh adalah terhadap kurikulum pendidikan Islam dan keberkesanan pelaksanaannya. Begitu juga dengan kajian Shamsuddin Bin Abd. Latif yang meninjau kejayaan matlamat kurikulum pendidikan Islam sama ada berjaya atau sebaliknya. Manakala kajian Suraini Binti Ripin pula berkaitan amalan nilai sosial Islam di kalangan pelajar yang tidak dikaitkan dengan Kursus Pendidikan Islam. Berbeza dengan kajian penulis, kajian yang akan dijalankan ini menekankan kepada pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup pelajar sama ada ianya berpengaruh atau sebaliknya.

Seterusnya penulis akan mengemukakan penulisan yang berkaitan dengan kesan pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam di beberapa institusi pengajian. Kajian oleh Ahmad Sabri Osman yang bertajuk “Sistem Pendidikan Islam: Suatu Kajian Tentang Keberkesanan Penghayatannya di Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Arau, Perlis” menilai keberkesanan penghayatan sistem Pendidikan Islam di kalangan pelajar institusi tersebut. Beliau telah membuat kajian terhadap beberapa aspek iaitu aspek akidah, aspek ibadat dan akhlak.¹⁸ Kajian penulis berbeza dengan kajian ini terutama dari aspek-aspek yang dikemukakan dan responden yang terlibat.

Kajian seterusnya oleh Ibrahim Fikri Mamat yang bertajuk “Pengajian Tauhid di Sekolah Menengah Ugama (A) al-Sabirin, Ayer Lanas, Jeli : Suatu Kajian Mengenai Kesannya Dalam Cara Hidup Pelajar”. Kajian yang dilakukan terhadap 100 orang pelajar, 6 orang guru dan seorang pentadbir berkaitan kesan pengajian tauhid di sekolah tersebut terhadap beberapa aspek cara hidup pelajar iaitu aspek kehidupan pelajar di sekolah, di

¹⁸ Ahmad Sabri Bin Osman (2002), “Sistem Pendidikan Islam: Suatu Kajian Tentang Keberkesanan Penghayatannya di Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Arau, Perlis” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya).

rumah dan bersama masyarakat.¹⁹ Kajian ini juga berbeza dari segi responden dan aspek cara hidup berbanding dengan kajian penulis.

Kajian bertajuk “Perlaksanaan dan Keberkesanan Kursus Pendidikan Islam Pra-Universiti: Kajian ke Atas Guru dan Pelajar” oleh Hasan Basri Awang Mat Dahan dan Abdul Halim Tamuri telah menyentuh isu pelaksanaan dan keberkesanan pendidikan di peringkat sekolah. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa masalah dan kekurangan dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam di sekolah dan mereka turut memuatkan beberapa cadangan bagi menangani masalah tersebut.²⁰

Kajian Siti Fatimah Taisir yang bertajuk “Pengaruh Pendidikan Islam Terhadap Akhlak Pelajar-pelajar UiTM: Satu Kajian Khusus di UiTM Kampus Machang, Kelantan” pula menekankan tahap pengamalan akhlak para pelajar hasil pengaruh pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam di Universiti Teknologi Mara. Kajian yang dilakukan terhadap 200 orang pelajar menyentuh aspek akhlak secara umum tanpa menyatakan skop yang khusus memandangkan aspek akhlak adalah amat luas. Hasil kajian ini mendapati adanya halangan dalam usaha untuk membentuk akhlak mulia dikalangan pelajar.²¹

Baharin Mesir dan sekumpulan penyelidik dari UTM telah membuat kajian terhadap 50 orang pelajar bumiputera Fakulti Kejuruteraan Awam bertajuk “Gaya Hidup Pelajar

¹⁹ Ibrahim Fikri Mamat (2002), “Pengajian Tauhid di Sekolah Menengah Ugama (A) al-Sabirin, Ayer Lanas, Jeli : Suatu Kajian Mengenai Kesannya Dalam Cara Hidup Pelajar” (Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya).

²⁰ Hasan Basri Awang Mat Dahan dan Abdul Halim Tamuri (2005), “Perlaksanaan dan Keberkesanan Kursus Pendidikan Islam Pra-Universiti: Kajian ke Atas Guru dan Pelajar” (Kertas Kerja Seminar Struktur Pendidikan Islam Pra-Universiti di Malaysia, anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia, 13-14 September 2005).

²¹ Siti Fatimah Binti Taisir (2005), “Pengaruh Pendidikan Islam Terhadap Akhlak Pelajar-pelajar UiTM: Satu Kajian Khusus di UiTM Kampus Machang, Kelantan” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Cemerlang Dalam Persekutaran Kampus". Beberapa aspek gaya hidup yang dikaji meliputi aspek pergaulan, pengurusan masa, kegiatan masa lapang, cara belajar dan juga pengurusan diri. Kajian ini mendapati kecemerlangan akademik seseorang pelajar itu banyak dipengaruhi oleh cara hidup mereka yang seimbang dari sudut rohani, jasmani, emosi dan intelek. Oleh yang demikian, mereka menyarankan bahawa ciri-ciri keseimbangan gaya hidup ini perlu diterapkan pada diri seorang pelajar yang ingin cemerlang.²²

Ahmad Johari Hj Sihes dan rakan-rakan turut menjalankan satu kajian bertajuk "Pengaruh Pengetahuan Agama ke Atas Amalan Agama dan Gaya Hidup Mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia" ke atas 300 mahasiswa institusi tersebut. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan agama dan amalan agama serta gaya hidup mereka. Kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan agama mahasiswa Islam UTM adalah tinggi. Namun dari segi amalan agamanya berada pada tahap sederhana. Manakala gaya hidup yang dominan bagi mahasiswa Islam UTM adalah mengutamakan akademik dan kepimpinan. Kajian ini juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan agama dengan amalan agama tetapi pada tahap yang rendah.²³

Dari beberapa kajian dan penemuan mengenai keberkesanan Kursus Pendidikan Islam seperti yang dikemukakan, dapat dirumuskan bahawa kajian ini masih signifikan dijalankan kerana beberapa aspek kajian yang telah dijalankan mempunyai perbezaan dengan aspek-aspek kajian yang akan dijalankan oleh penulis. Selain itu, pemilihan

²² Baharin Mesir et al. (2006), "Gaya Hidup Pelajar Cemerlang Dalam Persekutaran Kampus" (Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan (NASDEC) 2006, 8-9 Ogos 2006, di Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur, Malaysia).

²³ Ahmad Johari Bin Hj Sihes et al. (2006), "Pengaruh Pengetahuan Agama ke Atas Amalan Agama dan Gaya Hidup Mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia" (Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan (NASDEC) 2006, 8-9 Ogos 2006, di Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur, Malaysia).

responden yang sedang mengikuti pengajian di politeknik masih belum dijalankan secara meluas berbanding kajian terhadap pelajar di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi yang lain. Jadi fokus kajian ini yang berkaitan pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup pelajar wajar dilaksanakan kerana hasil kajian ini diharap dapat memperkuatkan sistem pendidikan Islam dalam pengajian di politeknik.

1.9 Metodologi Kajian

Metodologi kajian ialah perkara yang mengandungi kaedah, prosedur, tatacara dan program sebagai suatu medium yang digunakan dalam melakukan sesuatu kajian.²⁴ Dalam kajian ini, penulis menggunakan dua lapangan penyelidikan iaitu kajian perpustakaan dan kajian lapangan bagi membantu penulis untuk memahami permasalahan yang dikaji dengan lebih mudah.

Bagi kajian ini, penulis telah menggunakan dua metode utama iaitu Metode Pengumpulan Data dan Metode Analisis Data.

1.9.1 Metode Pengumpulan Data

Dalam usaha mengumpulkan data bagi penyusunan kajian ini, penulis telah menggunakan beberapa metode untuk mendapatkan data yang diperlukan. Data tersebut diperolehi daripada beberapa sumber. Sumber-sumber data pula pada umumnya merupakan sumber pertama di samping menggunakan data dari sumber kedua. Dengan demikian diharapkan kajian ini mempunyai nilai yang boleh dipertanggungjawabkan dari sudut objektif. Penulis

²⁴ Mohd Najib A. Ghafar (1998), *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM, h. 151.

berusaha mencari dan mengumpulkan data seterusnya membuat penafsiran terhadap data-data yang terkumpul. Untuk mendapatkan data-data yang relevan dengan tajuk kajian, beberapa metode lain digunakan seperti Metode Dokumentasi, Metode Temubual, Metode Soal Selidik dan Metode Pemerhatian.

(a) Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi ini dilakukan untuk mendapatkan sumber primer dan sekunder berkaitan aspek-aspek sejarah perkembangan matapelajaran pendidikan Islam di Malaysia, sejarah penubuhan politeknik di Malaysia dan Politeknik Kota Melaka serta pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam di politeknik.

Penulis akan merujuk kepada dokumen-dokumen tertentu seperti risalah-risalah yang diterbitkan oleh Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, majalah-majalah dan akhbar yang mempunyai fakta sejarah berkenaan perkara tersebut. Selain itu, dokumen-dokumen seperti laporan tahunan, buletin rasmi, kertas-kertas seminar dan sebagainya akan dianalisis untuk dimuatkan dalam bab yang berkaitan.

(b) Metode Temubual

Metode temubual merupakan metode yang memerlukan penyelidik dan subjek berinteraksi secara langsung dan menggunakan teknik penyoalan secara lisan. Metode ini digunakan

untuk memperolehi maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya yang diperlukan untuk mencapai objektif penyelidikan.²⁵

Temubual dalam kajian ini melibatkan Ketua Jabatan Pengajian Am dan beberapa orang pensyarah yang mengajar di Politeknik Kota Melaka, khususnya mereka yang terlibat dalam pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam. Temubual ini dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat mereka berkaitan pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Kota Melaka secara umum dan keberkesanannya dalam mempengaruhi cara hidup pelajar. Temubual turut dilakukan terhadap 28 responden daripada semua jabatan dan jantina yang tidak terlibat dalam menjawab soalan kaji selidik. Temubual dijalankan dalam bentuk temubual bebas berstruktur. Temubual ini bertujuan untuk mengenal pasti secara umum apakah sebenarnya yang mempengaruhi cara hidup mereka sama ada kerana hasil pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam semata-mata atau kerana faktor-faktor lain. Temubual ini juga bertujuan untuk membuat penilaian adakah kursus ini mempengaruhi cara hidup mereka pada tahap tinggi, sederhana, rendah atau tidak mempengaruhi langsung. Sebelum temubual dilaksanakan, penulis telah membentuk dan menyediakan soalan terlebih dahulu supaya maklumat yang diperolehi adalah lengkap dan menyeluruh.

(c) Metode Soal Selidik

Fokus yang diberikan dalam soalan kaji selidik ialah berkaitan dengan pengaruh Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Kota Melaka terhadap cara hidup pelajar dalam aspek

²⁵ Mohd Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 237.

ibadat, cara berpakaian, pergaulan dengan ibubapa, pergaulan dengan pensyarah dan pergaulan dengan rakan-rakan.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini dibentuk oleh penyelidik sendiri yang telah diubahsuai daripada soal selidik yang digunapakai oleh pengkaji terdahulu, Fadzliyah Hashim²⁶ dan Fakhrul Adabi Abdul Kadir²⁷ untuk mengukur pengaruh pendidikan Islam terhadap amalan dan cara hidup sehari-hari.

Kertas soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama mengandungi soalan mengenai latarbelakang responden iaitu jantina, jabatan pengajian, semester pengajian dan keputusan peperiksaan Kursus Pendidikan Islam pada semester pertama.. Bahagian kedua pula mengandungi soalan berkenaan pengetahuan asas dalam pendidikan Islam. Soalan-soalan tersebut dikemukakan untuk mengetahui tahap pengetahuan pendidikan Islam yang sedia ada pada diri pelajar-pelajar serta untuk mengukur tahap kefahaman dan pengetahuan pendidikan Islam yang telah dipelajari sepanjang tempoh satu semester.

Antara pernyataan yang dikemukakan dalam bahagian ini ialah kefahaman tentang maksud kalimah syahadah dan tuntutannya. Pernyataan ini berkaitan pengertian kalimah syahadah dari segi bahasa dan istilah serta peranannya dalam kehidupan sehari-hari. Seterusnya pernyataan tentang boleh membezakan dengan jelas ibadat fardu dan ibadat sunat iaitu untuk mengetahui sama ada pelajar boleh mengenal pasti antara ibadat fardu dan

²⁶ Fadzliyah Hashim (2004), “Kesan Pendidikan Islam Terhadap Cara Hidup Pelajar: Suatu Kajian di Sekolah Menengah Tunku Abdul Aziz, Simpang Empat, Alor Star, Kedah” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

²⁷ Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2007), “Keberkesanan Kelas Agama di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor”, *Jurnal Usuluddin*, Bil 25. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 73-88.

ibadat sunat. Pernyataan tentang keupayaan membaca tulisan jawi dengan baik dan lancar turut disertakan dalam kertas soal selidik. Perkara ini dikemukakan bagi mendapatkan maklumat tentang tahap penguasaan jawi para pelajar memandangkan tulisan jawi merupakan salah satu tulisan yang terdapat pada sesetengah buku rujukan dalam teras ilmu pengajian Islam. Tambahan pula, tulisan jawi adalah sebahagian daripada huruf Arab yang merupakan tulisan dalam mashaf al-Quran. Manakala pernyataan tentang kemampuan membaca al-Quran dengan lancar mengikut tajwid dan boleh membezakan dengan jelas antara akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah dikemukakan bagi mengetahui tahap kemahiran membaca al-Quran dikalangan pelajar serta pengetahuan mereka terhadap akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah dalam kehidupan seharian.

Manakala bahagian ketiga mengandungi soalan berkenaan dengan pengaruh Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Kota Melaka terhadap cara hidup pelajar. Ia meliputi lima aspek yang dikaji dalam kajian ini iaitu aspek amalan ibadat, cara berpakaian, pergaulan dengan ibubapa, pergaulan dengan pensyarah dan pergaulan dengan rakan-rakan. Instrumen ini dibina untuk mengukur pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup para pelajar. Aspek-aspek yang dikemukakan diperolehi daripada sukanan kurikulum Kursus Pendidikan Islam 1 yang dijadikan rujukan utama sebagai asas penentuan kepada aspek-aspek cara hidup yang dikaji. Hal ini kerana kurikulum Kursus Pendidikan Islam 1 lebih menekankan aspek ibadat dan akhlak yang bersangkut paut dengan cara hidup yang menjadi rutin harian hidup mereka berbanding kurikulum Kursus Pendidikan Islam 2 yang menekankan aspek kehidupan selepas perkahwinan, hukum jenayah Islam dan pengurusan jenazah.

Dari segi pemilihan sampel, penulis menggunakan kaedah persampelan rawak. Dalam kajian ini, kaedah sampel rawak mudah digunakan bagi tujuan memilih sampel yang diperlukan dalam kajian. Dengan menggunakan kaedah jenis ini, setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Kaedah ini sesuai digunakan untuk mengkaji populasi yang ramai.²⁸

Sebanyak 265 kertas soal selidik diedarkan kepada sampel kajian yang terdiri dari 587 orang populasi. Jumlah sampel adalah bersesuaian dengan Jadual Penentuan Saiz Sampel seperti yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan.²⁹ Penulis mengedar sendiri kertas soal selidik ke setiap bilik kuliah dengan kerjasama pensyarah Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Kota Melaka. Sebelum kertas soal selidik diedarkan, satu penerangan ringkas diberikan agar responden memahami objektif kajian yang ingin diperolehi. Dengan cara ini penulis dapat mengawasi responden agar menjawab persoalan yang dikemukakan berdasarkan situasi dan cara hidup mereka serta tidak terpengaruh oleh jawapan rakan-rakan. Selain itu, kaedah ini digunakan kerana dengan cara ini kertas soal selidik dapat diperolehi dengan cepat dan kadar pulangannya yang tinggi.

Pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup pelajar diukur dengan meminta responden menandakan darjah persetujuan pada lima skala berbentuk Likert.³⁰ Kedudukan skala bergantung kepada jenis pernyataan iaitu pernyataan positif atau pernyataan negatif, contoh seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1.

²⁸ Mohd Najib A. Ghafar (1998), *op.cit.*, h. 38.

²⁹ Chua Yan Piew (2006). *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: Mc Grill Education, h. 186.

³⁰ *Ibid.*, h. 232.

Jadual 1.1: Darjah Persetujuan Skala Lima Mata Bentuk Likert

Persetujuan	Pernyataan	
	Positif	Negatif
Sangat Setuju	5	1
Setuju	4	2
Tidak Pasti	3	3
Tidak Setuju	2	4
Sangat Tidak Setuju	1	5

Sebelum kertas soal selidik digunakan dalam penyelidikan sebenar, suatu ujian rintis dijalankan. Kajian rintis ialah suatu kajian yang ditadbir sebelum kajian sebenar menggunakan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi kajian.³¹ Seramai 34 orang pelajar semester pertama dipilih untuk kajian rintis tersebut. Ia bertujuan untuk memastikan soalan-soalan yang dibina adalah bersesuaian dan difahami oleh responden. Beberapa soalan dan pernyataan diubahsuai setelah mendapat maklumbalas daripada kajian rintis yang dijalankan ini.

(d) Metode Pemerhatian

Metode pemerhatian memerlukan pengkaji mengamati tingkah laku populasi berdasarkan kepada pembolehubah-pembolehubah yang dikenal pasti.³² Melalui kaedah ini, pengkaji membuat pemerhatian secara tidak formal di tempat kajian bagi mendapatkan maklumat berkaitan cara hidup pelajar di Politeknik Kota Melaka terutamanya berkaitan aspek amalan ibadat seperti solat, hubungan pelajar dengan pensyarah, hubungan pelajar dengan rakan-rakan dan cara berpakaian pelajar ketika berada di kampus.

³¹ Mohd Najib A. Ghafar (1998), *op.cit.*, h. 71.

³² Mohd Majid Konting (1998), *op.cit.*, h. 245.

Metode ini dipilih kerana sifatnya yang terbuka, berdasarkan fakta yang diperolehi dalam situasi yang sebenar serta dapat digabungjalinkan dengan hasil dapatan yang diperolehi melalui metode lain. Kekerapan pengkaji membuat lawatan/ pemerhatian adalah seperti dalam Jadual 1.2. Sepanjang tarikh-tarikh yang terdapat pada jadual tersebut, penulis telah berada di politeknik untuk membuat pemerhatian bagi mengenal pasti cara hidup pelajar secara umum untuk dibandingkan dengan dapatan yang diperolehi daripada kertas soal selidik dan temubual.

Jadual 1.2: Taburan Kekerapan Lawatan/ Pemerhatian

Tarikh	Masa
27/10/2009, 28/10/2009, 29/10/2009	9.30 pagi – 12.30 tengah hari
3/11/2009, 4/11/2009, 5/11/2009	9.30 pagi – 12.30 tengah hari
10/11/2009, 11/11/2009, 12/11/2009	2.30 petang – 4.30 petang
17/11/2009, 18/11/2009, 19/11/2009	2.30 petang – 4.30 petang

Bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan skop kajian, pengkaji membuat pemerhatian pada situasi yang sesuai seperti di bilik kuliah, semasa berinteraksi dengan pelajar, semasa solat berjemaah dan semasa aktiviti pelajar di luar bilik kuliah. Daripada lima aspek yang dikaji dalam kajian ini iaitu aspek amalan ibadat, cara berpakaian, pergaulan dengan ibubapa, pergaulan dengan pensyarah dan pergaulan dengan rakan-rakan, hanya empat aspek sahaja yang dapat diperhatikan berdasarkan situasi para pelajar ketika berada di politeknik. Aspek pergaulan dengan ibu bapa tidak termasuk dalam metode pemerhatian kerana ia memerlukan pengkaji membuat pemerhatian di kediaman responden yang berasal dari tempat yang pelbagai.

1.9.2 Metode Analisis Data

Setelah data-data yang diperlukan diperolehi dan terkumpul, penulis menjalankan proses analisis data untuk mendapatkan kesimpulan atau hasil kajian. Hasil kajian ini diterjemahkan ke dalam beberapa bab seperti yang terkandung dalam bab dua dan bab tiga. Manakala hasil kutipan data berdasarkan soal selidik, penulis melakukan analisis yang berasaskan tahap pengetahuan asas pendidikan agama Islam dan pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup pelajar. Ianya disaring dan dimuatkan ke dalam pangkalan data dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) Versi 15.0. Data-data daripada borang soal selidik akan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif seperti min, peratus dan frekuensi bertujuan untuk menerangkan tahap pemahaman asas pendidikan Islam dan pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup pelajar di Politeknik Kota Melaka. Data ini akan diperkuuhkan lagi dengan dapatan yang diperolehi daripada temubual dan pemerhatian di tempat kajian.

Bagi membuat tafsiran bagi min Bahagian B dan C, analisis ini merujuk kepada Jadual 1.3 di bawah:

Jadual 1.3: Kategori Tahap Penilaian Min

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 – 2.40	Rendah
2.41 – 3.80	Sederhana
3.81 – 5.00	Tinggi

Pengukuran tahap pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup pelajar dalam aspek-aspek yang telah dinyatakan adalah diambil daripada persepsi pelajar berdasarkan jawapan daripada soal selidik, temubual dan pemerhatian yang telah dijalankan dan bukannya berdasarkan gelagat atau tingkah laku yang sebenar daripada cara hidup pelajar yang sudah mengikuti kursus ini. Hal ini kerana amat sukar sekali untuk mengukur cara hidup seorang manusia terutama berkaitan aspek-aspek peribadi pelajar yang dilakukan sehari-hari.

1.10 Sistematika Penulisan

Penulis memulakan kajian **bab pertama** iaitu bab pendahuluan dengan menjelaskan latar belakang masalah kajian. Melalui latar belakang masalah kajian, penulis menghuraikan sebab-sebab memilih tajuk kajian dengan mengaitkan hasil pembelajaran pengetahuan agama Islam dan hubungannya terhadap penguasaan sesuatu bidang ilmu serta mengamalkannya dalam amalan sehari-hari. Seterusnya penulis mengemukakan perumusan masalah, objektif kajian dan kepentingan kajian. Penulis turut mengemukakan huraian tentang tajuk kajian dan skop kajian. Penulis turut menghuraikan ulasan kajian-kajian yang telah dijalankan berkaitan tajuk ini dan metodologi kajian yang digunakan. Penulis turut mengemukakan bagaimana soal selidik dibentuk dan metode analisis data yang digunakan untuk mendapatkan hasil kajian. Bab pertama diakhiri dengan sistematika penulisan.

Kajian diteruskan dengan **bab kedua** yang membincangkan berkenaan maksud pendidikan dan pendidikan Islam secara terperinci oleh beberapa tokoh pendidikan terkenal. Seterusnya bab ini turut menjelaskan mengenai perkembangan pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam di Malaysia sebelum merdeka hingga saat kajian ini dijalankan.

Dalam bab ini dinyatakan bagaimana pengetahuan agama Islam disebarluaskan setelah pemerintahnya memeluk agama Islam. Turut dikemukakan ialah berkenaan sejarah permulaan pelaksanaan matapelajaran pendidikan Islam di peringkat sekolah hingga ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi dan akta berkaitan pelaksanaan matapelajaran pendidikan Islam di institusi-institusi tersebut.

Dalam **bab ketiga**, perbincangan berkisar tentang sejarah penubuhan politeknik di Malaysia dan perkembangan yang berlaku sejak dahulu hingga kini. Data-data terkini berkaitan bilangan pelajar semasa untuk seluruh politeknik Malaysia turut dimuatkan. Bab ini seterusnya menerangkan latar belakang lokasi kajian iaitu Politeknik Kota Melaka secara umum dan organisasi Jabatan Pengajian Am selaku jabatan yang mengendalikan Kursus Pendidikan Islam. Maklumat berkaitan struktur kurikulum Kursus Pendidikan Islam dalam sistem pengajian di politeknik dan analisa topik dan sub tajuk juga dihuraikan. Bab ini turut menghuraikan tentang pelaksanaan Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Kota Melaka seperti yang ditetapkan oleh pihak kementerian.

Seterusnya di dalam **bab keempat**, penulis meneruskan kajian dengan melaporkan analisis data hasil daripada soal selidik, temubual dan pemerhatian yang dijalankan. Dalam bab ini beberapa penemuan daripada kajian yang dijalankan akan dihuraikan hasilnya melalui jadual yang berkaitan. Sebanyak tiga bahagian dikemukakan dalam bab ini iaitu bahagian pertama membincang tentang ciri-ciri demografi responden, bahagian kedua menjelaskan tentang pemahaman asas responden dalam pendidikan Islam dan bahagian ketiga menerangkan pengaruh Kursus Pendidikan Islam terhadap cara hidup pelajar di Politeknik Kota Melaka serta dapatan daripada pemerhatian dan temubual dengan pensyarah kursus

Pendidikan Islam dan beberapa responden terlibat. Bab ini diakhiri dengan kesimpulan yang merumuskan penemuan-penemuan yang telah diperolehi.

Dalam **bab kelima**, penulis akan membuat kesimpulan dengan memberikan rumusan keseluruhan berdasarkan penemuan hasil kajian. Turut dimuatkan adalah implikasi kajian dan beberapa cadangan serta penambahbaikan terhadap pelaksanaan kursus ini agar hasil kajian ini tidak hanya berada di perpustakaan atau di arkib tanpa diberi perhatian sewajarnya oleh pihak yang berkaitan. Di akhir kajian, penulis menyertakan senarai bibliografi serta lampiran-lampiran yang berkaitan yang relevan dengan kajian ini.